

# Unisza sasar 10 atlet sertai AUG 2014

KUALA TERENGGANU

— Selepas melakar kejayaan dalam kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 baru-baru ini, Universiti Sultan Zainal Abidin kini menyasarkan sekurangnya 10 atletnya layak mewakili negara ke Asean University Games (AUG) 2014 di Palembang, Indonesia penghujung tahun ini.

Naib Canselornya, Prof Dr Yahaya Ibrahim mengharapkan, Unisza mampu menjadi salah satu universiti yang menjadi penyumbang utama pingat kepada pasukan negara.

Menurutnya, kejohanan AUG ini adalah temasya sukan yang paling berprestij di peringkat Asia dan ia perlu diberi perhatian khususnya atlet Unisza untuk turut sama bersaing sebagaimana kejohanan sukan yang lain.

"Jika kita dapat menempatkan atlet daripada Unisza ke AUG ini, ia adalah satu kelebihan yang cukup baik bukan sa-



Prof Dr Yahaya (tengah) berkata sesuatu kepada atlet yang menerima insentif kemenangan pada Majlis Kecemerlangan Kontinen Unisza - SUKIPT 2014 di Dewan Kuliah Utama.

haja buat pelajar itu sendiri malah kepada universiti.

"Selain memberi nama besar kepada universiti dan negara, kejohanan ini juga boleh melahirkan atlet bertaraf antarabangsa yang turut datang dari Unisza," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Majlis Kecemerlangan Kontinen Unisza - SUKIPT 2014 di Dewan Kuliah Utama.

Seramai 31 atlet menerima insentif kecemerlangan berupa wang tunai antara RM100 sehingga RM1,100 atas kejayaan mereka menyumbang pingat kemenangan kepada Unisza pada kejohanan SUKIPT Februari lalu.

Mengulas lanjut AUG 2014, Dr Yahaya berkata, sejak pusat sukan tumpuan (PST) memanah, maka Unisza mengharapkan atlet daripada

sukan itu mampu meraih tempat untuk mewakili negara ke kejohanan itu nanti.

"Setakat ini, kita ada 12 atlet memanah yang sering mewakili negara ke kejohanan peringkat antarabangsa dan sinilah kemampuan sebenar atlet kita diukur apabila mereka bukan sahaja mampu bersaing di peringkat antarabangsa, malah berjaya meraih pingat," katanya.

Sinar Harian 3/3/2014